



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

AHAD
24 Mei 2026



46,542 kes kemalangan pergi, balik kerja tahun lalu

Majoriti nahas babit penunggang motosikal naik hampir 21 peratus berbanding 2023

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Sepang: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mendedahkan 50.9 peratus atau 46,542 daripada 91,456 kes kemalangan yang direkodkan pada 2025 membabitkan kes perjalanan pergi dan balik kerja.

Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata majoriti kes berkenaan membabitkan penunggang motosikal dan angka itu menunjukkan peningkatan hampir 21 peratus berbanding 2023.

Katanya, situasi ini membimbangkan dan kerana itu PERKESO merasakan perlu ada usaha meningkatkan kesedaran berhubung kemalangan pergi dan balik bekerja dalam kalangan penunggang motosikal.

“Mengikut rekod, seramai 4,267 penunggang motosikal maut dalam kemalangan jalan raya sepanjang tahun lalu dengan golongan itu merekodkan 65 peratus daripada keseluruhan 6,581 kes kematian di negara ini.

“Lebih membimbangkan, kadar kemalangan perjalanan meningkat 21 peratus berbanding 38,454 kes direkodkan pada 2023 dan jika dikira, sekitar 11 kes kemalangan perjalanan berlaku setiap jam,” katanya kepada pem-



Mohammed Azman (tengah) bersama Mohd Rozi (tiga dari kanan) selepas melancarkan MyRider di Litar Antarabangsa PETRONAS Sepang, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

berita pada Majlis Pelancaran Kempen Penunggang Malaysia (MYRider) di Litar Antarabangsa PETRONAS Sepang, semalam.

Laksana kempen MYRider

Kempen MYRider dilaksanakan PERKESO dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penunggang motosikal, khususnya pekerja yang berulang-alik ke tempat kerja.

Kempen itu juga memperkukuh kesedaran, pematuhan peraturan jalan raya serta membentuk budaya mengunggang selamat dalam kalangan pengguna motosikal.

Menerusi kempen MYRider, empat strategi utama dijadikan sandaran, iaitu Sedar dan Cakna, Amal dan Bertindak, Bangsa Jadi MYRider serta Sama-Sama Lindungi.

Azman berkata, menerusi program itu, pihaknya mahu memberi maklumat tepat serta mendidik masyarakat, terutama pencarum PERKESO mengenai kepentingan pemanduan berhemah bagi mengurangkan kemalangan ketika pergi dan balik bekerja.

Katanya, kempen dengan kerjasama polis itu turut memperkukuh advokasi keselamatan jalan raya serta pematuhan undang-undang dalam kalangan pengguna jalan raya.

“Kebanyakan mereka yang terkorban ini adalah tulang belakang keluarga.

“Justeru, situasi membimbangkan ini menuntut tindakan melangkaui sekadar pendekatan reaktif kerana penyaluran faedah PERKESO, bukan penyelesaian tunggal dalam masalah ini.

“Menerusi Kempen MYRider, saya ingin sampaikan mesej mudah tetapi besar maknanya iaitu kita perlu bersama-sama membudayakan penunggang Malaysia yang lebih bertanggungjawab, lebih berhemah dan lebih menghargai nyawa selaras slogan Penunggang Malaysia: Selamat. Berhemah. Bermaruah,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Penguatkuasaan/Kawalan Lalu Lintas/Pengurusan Saman) JSPT Bukit Aman DCP Mohd Rozi Jidin, berkata PDRM memberikan sokongan penuh dalam menjayakan Kempen MYRider.

“Semoga kerjasama erat antara PERKESO, PDRM, agensi kerajaan dan rakan strategik industri menjadi pemangkin keberkesanan usaha dalam meningkatkan keselamatan penunggang motosikal,” katanya.

Portal e-aduan jaga kebajikan pekerja gig

Kuala Lumpur: Portal khusus e-aduan adalah tiga inisiatif baharu yang dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bagi menjaga kebajikan dan masa depan pekerja gig di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri R Ramanan, berkata KESUMA turut melaksanakan Pakej Daya Tahan Ekonomi (PACE) dengan peruntukan RM20 juta bagi membantu meningkatkan daya tahan ekonomi pekerja.

Katanya, inisiatif ketiga ialah melalui Program AI MyMahir

bernilai RM110 juta yang memberi pendedahan kepada kemahiran berkaitan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) kepada pekerja gig di negara ini.

"Kebajikan serta masa depan pekerja gig terus menjadi perhatian kerajaan menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif baharu yang memberi tumpuan kepada perlindungan sosial, peningkatan kemahiran dan peluang pembangunan kerjaya.

"Inisiatif baharu itu membuktikan komitmen kerajaan dalam memperkukuh pekerja gig ter-



Ramantan pada Majlis Penghargaan Rakan Grab dari kawasan Parlimen Sungai Buloh, semalam. (Foto FB Ramanan)

masuk pemandu e-hailing dan penghantar p-hailing," katanya pada Majlis Penghargaan Rakan Grab yang menghimpunkan hampir 1,000 rakan pemandu dan

penghantar dari kawasan Parlimen Sungai Buloh, semalam.

Portal e-aduan diwujudkan susulan kelulusan Akta Pekerja Gig 2025. Pada masa sama, Ramanan

berkata, melalui portal e-aduan itu, ia memudahkan akses kepada maklumat berkaitan hak pekerjaan, perlindungan sosial serta saluran aduan lebih sistematik.

Gig workers get rights boost

New laws, programmes strengthen support, social security

PETALING JAYA: The welfare and future of gig workers continue to be strengthened through the implementation of various new initiatives focusing on social protection, skills development and career advancement opportunities, says Datuk Seri R. Ramanan (*pic*).

The Human Resources Minister said among the initiatives introduced by his ministry is the Progressive Acceleration for Capability and Employment programme, which has been allocated RM20mil to help improve workers' economic resilience.

"Additionally, the MyMahir artificial intelligence (AI) programme worth RM110mil, which provides technology- and AI-related skills training, reflects the government's commitment to strengthening support for gig workers, including e-hailing drivers and p-hailing riders," he said at the Grab Partner Appreciation Ceremony yesterday, Bernama reported.

About 1,000 driver and rider partners from the Sungai Buloh parliamentary constituency attended the event.

Ramanan said gig workers also have opportunities to undergo technical training through the Labour Department's Labour Advanced Technology College, as well as benefit from the Social Security Organisation's (PERKESO) MYFutureJobs platform for wider job opportunities and career advancement.

Meanwhile, he said an e-complaint portal for gig workers had also been introduced to facilitate more systematic access to information on employment rights, social protection and complaint channels.

Ramanan said the growth of the gig sector must be driven collectively by the government,



platform providers and workers themselves to ensure a more stable, inclusive and sustainable employment ecosystem in the long term.

At the event, Ramanan also presented appreciation contributions to Grab partners in recognition of their dedication and contributions in helping facilitate the daily lives of the community.

Gazetted on Dec 31, the Gig Workers Act seeks to protect the social security, welfare and dignity of gig workers, extending protections comparable to those enjoyed by formal employees to more than 1.2 million workers in the sector.

Under the Act, gig workers now enjoy clearer legal protections, including transparency in service agreements, agreed income rates, protection against discrimination,

social security coverage through PERKESO, occupational safety and health safeguards, as well as a structured dispute resolution mechanism through the Industrial Relations Department and a dedicated Gig Workers Tribunal.

A key feature of the Act is the establishment of the Gig Consultative Council (MPGig), a tripartite platform comprising representatives from the government, gig workers and contracting entities.

The council, consisting of 26 members from diverse backgrounds and across the gig ecosystem, will advise and make recommendations to the government on minimum income rates, formulas and standards applicable according to sector, region, type of gig work or service.

MPGig will also have the power to collect and analyse data, as well as conduct research on gig-related matters at both domestic and international levels.